



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PEMANTAUAN PENGURUSAN ASRAMA (PPA) BANTUAN MAKANAN ASRAMA (PBMA) & PELAPORAN SECARA ATAS TALIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2015

Unit Pengurusan Asrama Harian
Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi & Asrama (SPKIA)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E 2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604, Putrajaya
Tel : 03 – 8884 9432 Fax : 03 – 8884 9342
Web : www.moe.gov.my/v/Asrama-Harian

PANDUAN PEMANTAUAN PENGURUSAN ASRAMA (PPA), PEMANTAUAN BANTUAN MAKANAN ASRAMA (PBMA) & PELAPORAN SECARA ATAS TALIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Pemantauan Pengurusan Asrama (PPA) ke semua asrama di seluruh negara bertujuan melaksanakan pengesanan dan penilaian bagi membantu meningkatkan keupayaan di samping menyeragamkan bidang tugas pengurusan asrama. Pemantauan ini mencakupi pengurusan asrama berdasarkan perjawatan iaitu **GPK Pentadbiran, GPK HEM, GPK Kokurikulum, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Warden, Penyelia Asrama dan Pembantu Pengurusan Murid Asrama (PPM)**.

Manakala, Pemantauan Bantuan Makanan Asrama (BMA) bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan makanan di asrama terutama berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan serta **pematuhan kontrak**. Pemantauan ini mencakupi bidang pengurusan dokumen dan pematuhan perjanjian kontrak.

2. MATLAMAT

Mengupaya dan menyelaraskan pengurusan asrama dengan penglibatan semua pihak ke arah kecemerlangan bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti dan berketrampilan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menilai dan memantau keberkesanan pengurusan di asrama.
- 3.2 Menilai keberkesanan perkhidmatan membekal makanan bermasak di asrama
- 3.3 Mengenalpasti serta menangani isu dan masalah pelaksanaan, pengurusan di asrama dan pematuhan kontrak BMA.

4. KAEDAH PEMANTAUAN

- 4.1 Pemantauan akan dilaksanakan menggunakan penilaian skema berskala seperti jadual berikut :

Skor	Taraf	Deskripsi Umum
0	Sangat Lemah	Tiada/Tidak Dilaksanakan
1	Lemah	Banyak Kelemahan Yang Memerlukan Tindakan Pembetulan Dengan Segera
2	Memuaskan	Mempunyai Sedikit Kekuatan Tetapi Banyak Kelemahan Yang Memerlukan Tindakan Pembetulan
3	Baik	Mempunyai Banyak Kekuatan yang Memenuhi Keperluan Minimum
4	Cemerlang	Mempunyai Banyak Kekuatan Yang Melebihi Keperluan Minimum
TB	TB	Tidak Berkaitan

- 4.2 Jumlah peratusan akan menentukan Taraf Pencapaian seperti berikut :

Peratus Pencapaian	Taraf Pencapaian
90% - 100%	<i>Cemerlang</i>
80% - 89%	<i>Baik</i>
60% - 79%	<i>Harapan</i>
40% - 59%	<i>Memuaskan</i>
20% - 39%	<i>Lemah</i>
0% - 19%	<i>Sangat Lemah</i>

- 4.3 Pemantauan oleh JPN/PPD hendaklah dilaksanakan **sekurang-kurangnya** satu (1) kali setahun bagi setiap asrama.
- 4.4 Pemantauan hendaklah menggunakan Instrumen Pemantauan Pengurusan Asrama yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia.

- 4.5 Mulai 2015 penghantaran Rumusan Pemantauan 4 kali setahun menggunakan LAMPIRAN PPA 1 dan LAMPIRAN PBMA 1 adalah **dimansuhkan**.
- 4.6 BPSH telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan **aplikasi secara atas talian** untuk tujuan pelaporan di peringkat PPD, JPN dan KPM.
- 4.7 Untuk tujuan pelaporan sahaja, mulai 2015 setiap **pemantau yang dilantik** dan melaksanakan pemantauan hendaklah **memasukkan dapatan pemantauan** (berdasarkan Instrumen PPA dan PBMA) ke dalam aplikasi secara atas talian (On-line) yang disediakan sebaik sahaja selesai melaksanakan pemantauan. Aplikasi ini boleh diakses melalui Laman Web KPM di alamat www.moe.gov.my di ruangan **“E-PERKHIDMATAN” Sepanjang Masa** di bawah tajuk **“PEMANTAUAN PENGURUSAN ASRAMA DAN BANTUAN MAKANAN ASRAMA (PPABMA)”**. Kaedah dan maklumat lanjut akan ditaklimatkan oleh pihak JPN.

5. PROSEDUR PEMANTAUAN DAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

- 5.1 Pelaksanaan pemantauan ini hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan melalui SIRIM MS:ISO 9001:2008 melalui PK03 (Pengurusan Pemantauan)
- 5.2 JPN diminta untuk membuat analisis pemantauan dan melaksanakan tindakan-tindakan penambahbaikan berdasarkan hasil analisa yang dibuat.
- 5.3 Penghantaran rumusan hendaklah dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan menggunakan format yang dilampirkan.
- 5.4 Setelah semua asrama dibuat pemantauan, pihak JPN/PPD diminta untuk membuat analisa terhadap hasil pemantauan dan menyediakan pelan tindakan penambahbaikan serta melaksanakan langkah-langkah/program penambahbaikan berdasarkan hasil pemantauan. **Analisa Pemantauan, Pelan tindakan dan Pelaksanaan Langkah/program Penambahbaikan ini hendaklah dilaporkan ke BPSH.**